



MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN

KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dalam kod bidang sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

BIL	TAJUK PROJEK/ NO. TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN	MASA PEMBELIAN
1.	SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN LONGKANG BESAR (MONSOON DRAIN) DAN KOLAM TADAHAN SERTA PERKHIDMATAN BERKAITAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN UNTUK TEMPOH 12 BULAN (MPPn / SH / 35 / 2024)	Bumiputera / Bukan Bumiputera	221002	RM30.00	Ahad-Rabu 8.30 pagi – 3.00 petang
2.	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DEWAN DAN FASALITI KEMUDAHAN AWAM MILIK MAJLIS PERBANDARAN PONTIAN UNTUK TEMPOH 12 BULAN (MPPn / SH / 46 / 2024)	Bumiputera / Bukan Bumiputera	221001 & 221002	RM30.00	Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang
3.	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN PERSISIRAN PANTAI DI KUKUP LAUT, DATARAN PONTIAN DAN PUSAT PERDAGANGAN PONTIAN UNTUK TEMPOH 12 BULAN (MPPn / SH / 47 / 2024)	Bumiputera / Bukan Bumiputera	221002	RM30.00	

- Kontraktor **diwajibkan** menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **08 September 2024 (Ahad) jam 12.00 tengah hari**. Taklimat akan diadakan sekali sahaja (diwajibkan). Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Persidangan, Aras 3, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian** pada tarikh dan masa yang ditetapkan.
- Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PK 2.1 hanya **penama** di dalam Sijil Pendaftaran Syarikat (**MOF**) sahaja yang di benarkan menghadiri lawatan tapak / taklimat yang diadakan. **Wakil tidak dibenarkan**.
- Butir-butir dan dokumen sebut harga ini boleh didapati di **Unit Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras 2, Blok B, Majlis Perbandaran Pontian** dan hendaklah dibayar dalam bentuk **wang pos/kiriman wang/draf bank** yang dibuat atas nama **Majlis Perbandaran Pontian**. Dokumen sebut harga boleh dibeli oleh penama atau wakil-wakil kontraktor (**Wakil kontraktor hanya boleh mewakili satu syarikat kontraktor sahaja**) dengan syarat membawa **SIJIL ASAL, COP SYARIKAT** dan **SURAT WAKIL SYARIKAT**. Bagi maksud ini kontraktor-kontraktor hendaklah membawa salinan asal serta fotostat **pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan **pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** serta menyerahkan salinannya semasa membeli dokumen tender.
- Dokumen mula dijual** pada **08 September 2024 (Ahad)** (selepas lawatan tapak). Tarikh akhir penyerahan dokumen sebut harga pada **17 September 2024 (Selasa)**, tidak lewat dari Jam 12.00 Tengahhari.

6. Dokumen Sebut harga yang telah diisi lengkap hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri** dan bertulis tajuk sebut harga berkenaan di penjuru kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam **peti tawaran** bertempat di **Ruang Legar, Blok A, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor** atas nama, **Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pontian, Jalan Alsagoff, 82000 Pontian, Johor**. Penyebut harga diingatkan untuk membukukan dokumen yang dilampirkan sebagaimana di senarai semak.


(**HAYAT AB RAZAK BIN KHALID**)
Yang Di Pertua,
Majlis Perbandaran Pontian.
Bertarikh: **03** September 2024

